

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

Lepas kutip, ada lagi!

HM 11/07/24 MLS 22

Pengunjung pusat rekreasi kekal hidu bau busuk ekoran banyak ikan mati terdampar



KEJADIAN ikan mati dikesan sejak Isnin lalu di taman rekreasi di Taman Bandar Indera Mahkota.

Pengunjung pusat rekreasi di Taman Bandar Indera Mahkota di sini, berhadapan dengan bau yang tidak menyenangkan berikutnya ribuan ikan dalam tasik buatan itu mati sejak Isnin lalu.

Antara spesies ikan pelbagai saiz yang mati adalah lampam dan tilapia, ikan yang mati kini mula timbul di permukaan air selain terdampar di tepi tasik yang terkenal dalam kalangan masyarakat setempat melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Tinjauan di lokasi berkenaan mendapati walaupun kakitangan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) setiap hari mengutip ikan mati untuk dilupuskan di tempat lain, namun jumlah ikan yang mati sentiasa ada di beberapa kawasan tasik.

Mereka mendakwa mengutip ikan mati setiap ha-

ri sejak ia mula dikesan bagi mengelak bau yang tidak menyenangkan di kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan pengunjung.

“Waktu pagi kami kutip ikan mati dalam tasik termasuk terdampar tepi tasik, sebelah petang akan muncul lagi ikan mati.

“Kejadian ikan mati dengan jumlah yang banyak kali pertama berlaku, sebelum ini ada ikan mati tapi tidak banyak,” kata seorang petugas MBK.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang Wandi Yadzid Yaakob berkata, pihaknya sudah mengambil contoh air tasik bagi menentukan kualiti air.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati ikan yang mati terdiri daripada spesies lampam dan tilapia.

“Ujian mendapati kadar

oksigen terlarut (Dissolved Oxygen, DO) adalah di bawah 1.0 mg/L dan rendah berbanding julat normal bagi kehidupan akuatik iaitu antara 4.0-6.0 mg/L.

“Kadar oksigen terlarut yang rendah dipercayai faktor utama menyebabkan kematian ikan.

“Sebanyak tiga persampelan air dijalankan dan diserah kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan analisa.

“Siasatan masih diteruskan bagi mengenal pasti punca kejadian. Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi JAS di talian 1-800-88-2727 atau hantarkan e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <http://eaduan.doe.gov.my>,” katanya.

“Kejadian ikan mati dengan jumlah yang banyak kali pertama berlaku”

Petugas MBK